



Minda Prihatin

Dr. Iskandar Hasan Tan Abdullah
Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan.



KERAJAAN PERPADUAN

MEMBAWA PERMUAFAKATAN POLITIK

Kemenangan seimbang Perikatan Nasional dan Pakatan Harapan dalam Pilihan Raya Umum (PRU-15) menyaksikan kebuntuan dalam pembentukan kerajaan sehingga mengundang persoalan terhadap kestabilan politik di negara ini.

Situasi politik pascaPRU-15 membawa satu naratif baharu, iaitu tanpa penguasaan dominasi BN selepas kekalahan semasa PRU-14 lalu. Trend ini mencerminkan bahawa pemikiran politik anak muda lebih kepada politik rasional yang memperlihatkan sentimen kaum dan agama.

Asbab yang menyebabkan politik rasional ini berlaku disebabkan peranan yang dimainkan semasa kempen PRU-15. Keutamaan buat negara kini menyebabkan kita memerlukan seorang pemimpin yang mengutamakan nilai kesederhanaan dan mengutamakan agenda rakyat dalam pembentukan kerajaan pada hari ini. Kemenangan Perikatan Nasional atau Pakatan Harapan adalah hasil daripada undian rakyat yang telah celik dalam soal pendidikan. Kewujudan golongan kelas menengah yang semakin melebar menjadikan negara ini lebih toleransi dan tidak taasub kepada kepartian yang boleh membawa perpecahan di negara ini.

Kerajaan Perpaduan merupakan cerminan titah YDPA yang perlu dihormati oleh semua pihak. YDPA merupakan Ketua Negara yang melihat kaedah penyelesaian terbaik untuk menyelesaikan kemelut politik yang berlaku pascaPRU-15. Kerajaan Perpaduan merupakan satu bentuk gabungan kepada mana-mana gabungan parti politik dalam membentuk

kerajaan selepas berlakunya ketidaktentuan situasi krisis politik. Selalunya tugas Kerajaan Perpaduan adalah untuk menangani permasalahan krisis yang sedang melanda sesebuah negara termasuklah Malaysia yang kini sedang berdepan dengan krisis inflasi dan kenaikan kos sara hidup.

Penyertaan BN ke dalam gabungan Kerajaan Perpaduan adalah bertujuan untuk kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi di negara ini selain daripada akur dengan titah YDPA. Hal ini menunjukkan bahawa BN berjiwa besar dan berlapang dada walaupun sebahagian besar rakyat menolak gabungan BN dalam PRU-15. Bagi menjamin kestabilan dan pengukuhan Kerajaan Perpaduan, pemilihan Ketua Parti amat penting dalam memainkan peranan dalam Kerajaan Perpaduan dan pelantikan Dato' Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri yang mewakili Pengerusi PH merupakan langkah yang terbaik kerana memiliki kerusi terbanyak dalam PRU-15.



Sememangnya dalam mana-mana sistem demokrasi kepartian, Ketua Parti yang merupakan Presiden Parti dan Pengerusi Gabungan Parti yang terlibat dipilih daripada kalangan ahli parti dan mendapat persetujuan semua parti. Hal ini bermakna, penghormatan perlu diberikan kepada Ketua Parti dan bukan mana-mana pemimpin yang bukan menjawat Ketua Parti diambil masuk untuk mengemudi bersama dengan nakhoda kapal.

Dalam amalan demokrasi sistem kepartian terutamanya dalam menangani krisis politik yang berpanjangan di negara ini, Ketua Parti merupakan pemimpin yang paling penting dalam menentukan hala tuju parti, lebih-lebih lagi apabila melibatkan kepentingan negara. Peristiwa ketidakstabilan negara yang berlaku selama ini adalah berpunca daripada kegagalan untuk memahami makna demokrasi sistem kepartian. Selaras dengan Akta Anti Lompat Parti, Ketua Parti diberikan kuasa untuk mewakili parti gabungan dalam perundingan membentuk kerajaan selepas PRU-15. Maka terbentuknya Kerajaan Perpaduan turut membawa makna kepada pembentukan sebuah Kerajaan Permuafakatan antara gabungan parti yang bertanding dalam PRU-15.

Pada masa yang sama, negara memerlukan seorang pemimpin yang boleh membawa keluar negara ini daripada kancuh krisis ekonomi dan politik sekali lagi. Hal ini bukanlah sesuatu yang mudah seperti yang disangka. Banyak kepayahan dan kesukaran untuk menangani kemelesetan dan kejatuhan ekonomi sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan

1.0 hingga 3.0 yang telah dilaksanakan semasa pandemik COVID-19 melanda negara ini. Inisiatif Majlis Pemulihan Negara selepas negara ini berada dalam pascapandemik turut berjaya membawa naratif baharu ekonomi di negara ini.

Pemulihan negara dari segi ekonomi, perpaduan kaum dan agama amat penting agar mampu untuk mengharungi semula krisis ekonomi yang bakal berlaku pada tahun hadapan. Hal ini berdasarkan pada fakta bahawa sumbangan kejayaan untuk memulihkan negara selepas pascapandemik datangnya daripada sokongan golongan muda menerusi pelbagai latar belakang profesional dan kepakaran. Idea menggunakan kepimpinan teknokrat bukanlah sesuatu yang baharu dalam kepimpinan negara pada hari ini. Sebenarnya usaha ini telah dimulakan dan terbukti berjaya membawa negara keluar daripada krisis ekonomi, politik dan kesihatan. Oleh itu, golongan teknokrat diperlukan dalam situasi di seluruh dunia yang sedang menghadapi krisis bersama-sama dengan gabungan ahli politik yang membawa nilai kesederhanaan melalui agenda untuk mengutamakan rakyat.

Pelantikan Menteri Kabinet dalam Kerajaan Perpaduan selaras dengan titah YDPA yang mengutamakan kestabilan dan penyelesaian agenda rakyat, maka perlu mengikut hierarki parti melalui rundingan dalam situasi menang-menang. Bagi membolehkan penubuhan sebuah kerajaan Malaysia baharu dalam konsep yang lebih adil kepada sistem demokrasi kepartian dan bukannya berdasarkan kepada agenda kumpulan tertentu. Keyakinan bahawa proses pemerintahan undang-undang dijalankan dengan adil merupakan kestabilan untuk kerajaan baharu serta parti itu sendiri dalam jangka masa panjang.

Kerajaan Perpaduan yang dipimpin oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim disokong oleh tiga golongan terbesar, iaitu golongan reformis Islam, golongan nasionalis Melayu dan golongan pendidikan Cina. Pada masa yang sama, apabila kemelut golongan nasionalis yang menjadi tunjang Kerajaan Perpaduan ini diterajui oleh Ketua Parti dalam UMNO dapat diselesaikan, maka kepimpinan Perdana Menteri akan lebih stabil. Manakala golongan nasionalis mampu bekerjasama dengan golongan reformis Islam dalam mewujudkan kestabilan kerajaan Perpaduan. Melalui sokongan kedua-dua golongan Melayu-Islam ini, pentadbiran kerajaan yang mengutamakan rakyat boleh dijadikan agenda utama dalam kepimpinan Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Hal ini amat penting kerana penyelesaian Ketua Parti diberikan keutamaan dalam gabungan kerajaan Perpaduan. BN mempunyai rekod cemerlang semasa memimpin negara mencapai tahap ekonomi yang gemilang sebelum ini dan mengemudi perpaduan yang baik antara kaum dan sesama kaum. Maka penyertaan BN akan memberikan impak yang besar ke atas Kerajaan Perpaduan yang ditubuhkan itu.

Kepimpinan Dato' Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri dilihat mampu menyelesaikan isu kemelut UEC dan kos sara hidup rakyat yang semakin meningkat. Kemelut isu UEC ini perlu diselesaikan dengan cara yang berhemah. Andai kata dengan kemampuan Dato' Seri Anwar Ibrahim yang berjaya menggabungkan ketiga-tiga blok parti terbesar dan mendapat sokongan penuh masyarakat Cina pada hari ini digunakan untuk menyelesaikan kemelut UEC, maka dengan ini kepimpinan beliau dalam permuafakatan politik akan lebih kukuh dan bersatu dalam membawa Malaysia ke era baharu.

Kepimpinan yang bakal memimpin negara ini perlu arif dalam memilih pasukan untuk membantu menguruskan negara dan pemulihan negara ini pasca-PRU-15. Kearifan dalam memilih pasukan dengan kepakaran masing-masing tanpa melihat ideologi dan latar belakang ini mampu membawa ekonomi negara terserlah pada kemudian hari.

Perdana Menteri perlu menjadikan penyatuan bukan sahaja kepada kaum Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak malahan juga untuk bukan Melayu. Hal ini perlu turut serta disokong oleh peranan kepimpinan agamawan yang mampu membawa era perpaduan dan integrasi sesama kaum supaya kedamaian dan kesentosaan terus wujud di negara ini. Situasi ini mampu membantu tahap kestabilan dan kemakmuran negara kelak.

Kepimpinan yang dilantik perlu memfokuskan agenda menguruskan negara dan bukannya terus berpolitik sehingga membawa kepada perpecahan negara. Perlu diingatkan bahawa agenda negara dan kepentingan rakyat menjadi satu daripada dasar kepimpinan yang utama dan dinantikan oleh rakyat. Rakyat juga berharap mana-mana kepimpinan yang menerajui negara ini lebih prihatin agar tidak ada sesiapa yang ketinggalan dalam arus pembangunan dan kehidupan di negara ini. Inilah harapan rakyat agar berlakunya sesuatu yang berlainan daripada mana-mana kepimpinan sebelum ini.

